

KOPERASI KREDIT MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Lt Kol Dr. Mohd Mazli Mohd Aini

Pegawai Staf 1 Agama

Markas Pemerintahan Operasi Udara

ABSTRAK

Keperluan pelaksanaan muamalah berteraskan Islam bukan lagi menjadi perkara asing di dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Keperluan tersebut bukan sahaja diperlukan di dalam sistem perbankan di Malaysia malah ianya juga menjadi satu harapan di dalam urusniaga koperasi di Malaysia. Sejarah telah membuktikan bahawa sistem koperasi sudah mula bertapak di Malaysia sebelum pasca kemerdekaan lagi. Namun, timbul persoalan sejauhmanakah sistem koperasi ini bertepatan dengan kehendak syariah. Kertas kerja ini akan menyoroti kajian sejarah berkaitan perkembangannya di Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan. Kajian juga akan meliputi pandangan para ulamak berkaitan dengan hukum berkoperasi dari sudut pandangan Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan. Hasil daripada kajian sejarah mendapati bahawa perkhidmatan koperasi merupakan sebahagian daripada keperluan masyarakat pertengahan dan bawahan terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan hutang. Kajian juga mendapati bahawa pada asasnya perkhidmatan koperasi yang sedang dilaksanakan pada masa kini tidak bertentangan dengan kehendak syariah sekiranya ianya berjalan mengikut lunas-lunas yang dikehendaki oleh agama. Kajian ini penting untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat akan isu-isu agama yang berkaitan dengan koperasi.

Kata kunci: Koperasi, sejarah, prospek hukum.

PENGENALAN

Keseragaman dan kesempurnaan Islam itu merupakan faktor utama yang membezakan di antara agama ini dengan agama-agama yang lain. Islam sentiasa melihat kehidupan seorang muslim di atas muka bumi ini ada kaitannya dengan agama yang sedang mereka anuti. Justeru, Islam datang kepada manusia merangkumi seluruh kehidupan yang melibatkan hubungan dengan Allah swt dan hubungan sesama manusia yang dinyatakan sebagai muamalah sesama insan.

Sistem kewangan Islam adalah sebahagian daripada produk Islam yang ditonjolkan dalam kehidupan bagi merealisasikan falsafah hidup manusia iaitu bermatlamatkan pengabdian keseluruhannya hanya kepada Allah SWT. Sebahagian daripada produk ekonomi Islam yang sedang diaplikasikan di dalam masyarakat ialah pinjaman berbentuk kredit yang sedang dilaksanakan oleh sebahagian koperasi yang berurusniaga di Malaysia. Kajian juga menunjukkan bahawa hanya 15 daripada 650 buah koperasi kredit di negara ini mempunyai tauliah untuk menjalankan sistem kewangan Islam, manakala selebihnya masih belum mendapat pentaulahan, namun tetap menjalankan sistem berkenaan (Harian Metro 12 Dis 2012).

Sehingga ke hari ini perkembangan koperasi di Malaysia terus mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia membuktikan keperihatinan kerajaan dalam menjana ekonomi negara bersumberkan aktiviti koperasi. Data koperat yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia berakhir Disember 2011 menyatakan bahawa bilangan koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan dan kredit yang sedang bergerak aktif di Malaysia pada ketika ini ialah sebanyak 638 buah¹ dan yang paling dominannya ialah koperasi yang berteraskan kepada kredit semata-mata iaitu sebanyak 419 buah, diikuti koperasi bukan kredit tetapi menjalankan aktiviti kredit sebanyak 217 buah dan yang beroperasikan koperasi perbankan sebanyak 2 buah (Data Koperat SKM hlm 12). Kepesatan pembangunan koperasi di Malaysia telah banyak membantu negara di dalam menjana ekonomi semasa. Statistik menunjukkan bahawa jumlah besar perolehan yang telah dijana oleh Koperasi Kredit di Malaysia berakhir pada Disember 2011 ialah sebanyak RM 1,285,077,544 (Data Koperat SKM hlm 16).

Kewujudan Koperasi Tentera di dalam senario kehidupan warga tentera merupakan contoh terbaik kejayaan sistem koperasi yang berteraskan kepada kredit. Dari sudut modus operandinya, Koperasi Tentera bergerak atas prinsip koperasi yang berteraskan kepada kredit semata-mata². Pengoperasian berbentuk kredit ini

¹ Bilangan koperasi yang melaksanakan aktiviti kredit bertambah kepada 650 buah pada bulan Dis 2012 seperti yang dinyatakan oleh Profesor Datuk Dr Mohd Ali Baharum, Presiden Angkasa ketika merasmikan Program Transformasi Kewangan Islam Dalam Gerakan Koperasi di Kuala Terengganu pada 11 Dis 2012.

²Koperasi Kredit bermaksud koperasi yang menjalankan aktiviti memberi pinjaman wang kepada anggotanya dan bukan anggotanya. Penakrifan ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan

menjangkau kepada 90 peratus aktivitinya secara keseluruhan (Laporan Tahunan Koperasi Tentera 2011). Ini bermakna hanya 10 peratus sahaja aktiviti yang tidak melibatkan kredit. Kewujudannya telah memainkan peranan yang besar untuk membawa kehidupan warga tentera supaya lebih terarah ketika mengalami masalah kewangan. Ini jelas dapat dilihat antara matlamat penubuhannya ialah menggalakkan anggota menabung dan berjimat dengan menyediakan kemudahan menabung yang selamat dengan pulangan yang menarik (Zahid Hamidi 2011).

Sistem koperasi berteraskan Islam pula mula diperkenalkan di Malaysia pada era 70-an³. Ianya dipelopori oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) melalui syarikat Koperasi Belia Islam Berhad. Ianya merupakan sebahagian daripada produk ekonomi Islam yang cuba ditonjolkan bagi merealisasikan sistem ekonomi yang berteraskan Islam di Malaysia. Selepas daripada itu muncul pula beberapa koperasi lain, juga membawa imej yang sama bagi melahirkan kepelbagaian dan pilihan bagi masyarakat Islam. Kemunculan Koperasi Muslimun pada 22 Nov 1980 dan Koperasi Islah Sdn Bhd pada 21 Januari 1994, merancakkan lagi penubuhan koperasi berteraskan kepada Islam.

SEJARAH PERKEMBANGAN KOPERASI

Sejarah koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1907. Namun demikian usaha tersebut kurang mendapat sambutan daripada pegawai-pegawai Inggeris mahupun daripada masyarakat melayu ketika itu (Fredericks 1986). Kularajah (1969) menyatakan bahawa kegagalan badan koperasi pada ketika itu disebabkan tiga faktor utama. Pertama orang melayu tidak berhasrat untuk menjadi kaya dengan cepat disebabkan kefahaman kekayaan akan mendatangkan sifat hasad dengki, kedua faktor

Koperasi Malaysia nombor rujukan JPK.IP (UU) : 130 JLD 4(37) Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 11 Tahun 2005.

³Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) ditubuhkan pada 31 Mei 1977 dan berdaftar di bawah Akta Koperasi (1993) dengan No. Pendaftaran: 16/31.5.77. Penubuhan KBI dicetuskan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), bermatlamat untuk melahirkan sebuah institusi kewangan Islam. KBI merupakan institusi pertama di Malaysia yang memperkenalkan produk dan instrumen kewangan yang berlandaskan Syariah. Sepanjang operasinya KBI telah mendapat anugerah daripada Kementerian Pembangunan Tanah Dan Koperasi bagi kategori "Koperasi Model" pada tahun 1985 dan "Anugerah Kualiti" pada tahun 1993.

lebih selesa dengan ekonomi bersifat domestik daripada ekonomi bersifat komersial dan ketiga wujudnya elemen-elemen riba di dalam transaksi yang dilarang oleh agama.

Pada 28 Jun 1922, cadangan telah dibuat untuk menubuhkan sistem koperasi di Tanah Melayu melalui kertas kerja yang bertajuk *Co-operative Societies Enactment 1922*. Bagi merintis jalan ke arah penubuhan koperasi tersebut, maka pada 1 Julai 1922 Pejabat Kemajuan Kerjasama telah ditubuhkan dan ianya diketuai oleh En. A. Cavendish selaku pendaftar pertama yang telah dilantik bagi menerajui jabatan tersebut. Akhirnya pada 21 Julai 1922 tertubuhlah secara rasminya Koperasi Kredit yang pertama di Tanah Melayu dengan nama Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjam Wang Pekerja-pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad (Laman Web Koperasi Pos Nasional Berhad).

Koperasi terus berkembang dengan pesatnya di Tanah Melayu. Pada 3 Disember 1923 ditubuhkan koperasi kedua yang diberi nama Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama dengan Tanggungan Berhad Parit Buntar Krian Perak. Penubuhan koperasi ini telah mengorak langkah ke hadapan apabila anak melayu pertama Capt Noor M. Hashim telah dilantik menjadi Penolong Pendaftar bagi koperasi ini. Sehingga pada tahun 1938 terdapat sebanyak 76 koperasi jenis kredit telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 30,626 orang dan yuran sebanyak RM6,393,100. Pada tahun 1939 jumlah koperasi yang wujud di Tanah Melayu adalah sebanyak 515 buah. Namun demikian pertumbuhan koperasi untuk tahun berikutnya agak lembab disebabkan berlakunya perang dunia kedua bermula pada tahun 1941 hingga 1945 (www.skm.gov.my/sejarah-gerakan-koperasi).

Menjelang tahun 1948, perkembangan koperasi di Tanah Melayu mula menjadi aktif semula. Ianya bermula dengan pemansuhan *Co-operative Societies Enactment 1922* dan diganti dengan *Co-operative Societies Ordinance 1948*. Tujuan penubuhan ordinan tersebut adalah untuk menyelaras semua undang-undang yang berkaitan koperasi di Negeri-negeri Tanah Melayu. Sebelum tertubuhnya ordinan 1948 ini, gerakan koperasi dikawal selia oleh tujuh undang-undang yang berasingan di bawah pentadbiran kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Tidak Bersekutu dan Negeri-

negeri Selat (W.M. Chik 1990). Di negeri Sabah dan Sarawak pula masih menggunakan undang-undang tempatan iaitu Ordinan Pertubuhan Syarikat Bekerjasama 1958 (No.3) di Sabah dan Ordinan Pertubuhan Syarikat Bekerjasama 1948 (Cap.66) di Sarawak. Namun demikian nama Syarikat Bekerjasama telah ditukar kepada koperasi pada tahun 1976 (Hidayat Buang 2004).

Pada tahun 1949, sistem yang berteraskan kepada koperasi terus berkembang melebarkan aktivitinya ke Malaysia Timur. Penubuhan *Ordinan Sarawak Co-operative Ordinance 1949* secara rasminya menjadi asas kepada penubuhan syarikat koperasi di Sarawak. Sehingga tahun 1954 Sebanyak 172 koperasi jenis pemasaran telah didaftarkan dengan modal pusingan sebanyak RM10.5 juta. Pada tahun ini juga telah tertubuhnya beberapa koperasi yang lain antaranya Koperasi Insuran se Malaysia (MCIS), Bank Persatuan Kerjasama kemudian ianya bergabung dengan Bank Agung Kampung Bekerjasama Persekutuan Tanah Melayu. Koperasi bank ini akhirnya dikenali sebagai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau singkatannya Bank Rakyat (www.skm.gov.my/sejarah-gerakan-koperasi).

Hasil daripada rentetan sejarah yang berlaku, maka kewujudan koperasi di Malaysia pada hari ini adalah hasil daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka yang terdahulu. Penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengukuhkan lagi industri koperasi di Malaysia dan hingga kini kewujudan koperasi dengan pelbagai aktiviti seperti yang telah dinyatakan oleh Data Koperat Suruhanjaya Koperasi Malaysia bertarikh 31 Disember 2011 adalah sebanyak 9074 buah koperasi dengan keahlian seramai 7.04 juta orang. Keuntungan yang diperolehi secara keseluruhannya adalah sebanyak RM 23.09 bilion.

DEFINISI KOPERASI

Baalbaki (1991) mendefinisikan koperasi sebagai “Jami’yyah Taawuniyyah” yang bermaksud saling bantu membantu. Definisi ini telah membezakan di antara koperasi dengan syarikat koperat yang mana syarikat korporat di dalam modus operandinya lebih menekankan kepada kekuatan modal (*capital intensive*) tanpa memerlukan

penglibatan aktif anggota dalam aktiviti syarikat. Akibat daripada itu akan mewujudkan *sleeping partner* yang hanya memberikan modal perniagaan kepada syarikat tanpa memerlukan mereka untuk aktif dalam aktiviti syarikat.

Dari segi istilah pula ia diterjemahkan sebagai⁴ “Sebuah persatuan manusia yang berautonomi yang secara sukarela bersatu untuk memenuhi keperluan bersama ekonomi, sosial dan budaya dan aspirasi menerusi pertubuhan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokrasi”.⁵ Dapat difahami di sini bahawa koperasi merupakan pertubuhan sukarela yang disertai oleh segolongan manusia dengan niat untuk saling bantu membantu antara satu sama lain. Walaupun pada dasarnya ia merupakan pertubuhan kebajikan namun jika diterjemahkan koperasi itu dari perspektif ekonomi ia perlu diterjemahkan sebagai pertubuhan yang turut dinilai dari sudut kemampuannya untuk mencapai keuntungan hasil daripada perniagaannya.

Mustafa (1989) menterjemahkan koperasi sebagai satu bentuk organisasi di mana manusia yang menjadi ahlinya mempunyai tujuan yang sama atau hampir sama bergabung secara sukarela untuk membaiki keadaan sosio ekonomi mereka dan menjalankan urusan organisasi mereka secara sukarela.

Abdul Kadir (1989) menterjemahkannya sebagai persatuan atau pertubuhan penyatuan manusia biasanya kurang pendapatan, lemah di dalam ekonominya yang telah dengan sukarelanya bersama-sama bermuafakat mengembeling tenaga, modal dan fikiran untuk menubuh dan menjalankan kegiatan ekonomi yang dikawal secara demokrasi demi memperbaiki lagi taraf ekonomi dan sosial mereka sendiri.

Syed Abdullah (1989) pula menyatakan koperasi ialah Pertubuhan manusia lazimnya daripada mereka yang kurang pendapatan yang telah dengan sukarela

⁴ Dipetik daripada Profesor Ungku Abdul Aziz, “Co-operatives Adopt A New Set Of Principles”. Petikan daripada akhbar New Sunday Times bertarikh 17 Mac 1996.

⁵ Definasi koperasi ini telah diberikan oleh International Co-operative Alliance (ICA) dengan terjemahan oleh Maktab Kerjasama Malaysia. Teks asalnya ialah *A Co-operative is an autonomous association of persons united voluntarily to meet their common economic, social and cultural needs and aspirations through a jointly-owned and democratically controlled enterprise.*

bermuafakat untuk mendapatkan keperluan ekonomi mereka secara bersama-sama berusaha menerusi organisasi perniagaan yang dikawal secara demokrasi membuat sumbangan yang munasabah untuk modal yang diperlukan dan menerima tanggungan dan faedah yang berpadanan dengan usaha dan sumbangan masing-masing.

(Chik W. , 1990) pula telah menterjemahkan koperasi sebagaimana yang dipetik daripada Profesor Ungku Abdul Aziz iaitu “Suatu fahaman di mana penganutnya bergiat menguruskan pengeluaran, penggunaan, pemasaran atau simpanan dan pinjaman dan sebagainya dengan tujuan menolong satu sama lain tanpa matlamat mencari keuntungan perseorangan”.

al-Kherid (1983) menyatakan koperasi ialah pertubuhan manusia biasanya kurang pendapatan yang telah dengan secara sukarelanya bermuafakat untuk menghasilkan kehendak ekonomi yang sama menerusi penubuhan badan perniagaan yang dikawal secara demokrasi, membuat caruman yang adil untuk modal yang dikehendaki dan menerima tanggungan-tanggungan dan faedah yang berpadanan bagi perusahaan.

Digby (1960) menyatakan koperasi merupakan sebuah persatuan sekumpulan orang yang terdiri daripada sebilangan kecil pengeluar dan pengguna yang bekerjasama dengan sukarela untuk mencapai maksud-maksud yang biasanya didapati melalui perkhidmatan pertukaran timbal balik secara perusahan berkumpulan yang menguntungkan di mana mereka bekerja dengan risiko yang sama dengan sumber disumbangkan oleh semua.

Hasil daripada pelbagai definisi yang telah diberikan, secara ringkasnya dapat difahami bahawa perkara yang menjadi asas kepada penubuhan koperasi ialah kerjasama, gotong-royong dan demokrasi ekonomi untuk mencapai kebaikan bersama. Kerjasama dan gotong-royong ini dapat dilihat, telahpun berlaku melalui dua dimensi. Pertama, modal awal koperasi diperolehi daripada semua ahlinya. Mengenai keanggotaan dalam koperasi pula prinsipnya adalah “satu anggota satu suara”. Oleh yang demikian besarnya modal yang dimiliki oleh seseorang anggota koperasi,

bukanlah menjadi faktor anggota tersebut lebih tinggi kedudukannya daripada ahli yang lebih kecil modalnya. Kedua, modal yang dilaburkan bukanlah penentu untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar hasil daripada pelaburannya. Sebaliknya pembahagian keuntungan hanya ditentukan oleh keputusan yang dibuat oleh ahli lembaga pengarah ataupun diputuskan oleh Mesyuarat Agung koperasi yang mesti dilaksanakan pada setiap tahun.

HUKUM ISLAM BERKAITAN KOPERASI

Perkhidmatan koperasi adalah sebuah kegiatan ekonomi yang secara sejarahnya bukan lahir dari teori dan amalan ekonomi Islam. Ianya bermula daripada barat hasil daripada kegawatan ekonomi yang berlaku. Namun demikian ianya perlu untuk dinilai, adakah perkhidmatannya sesuai dengan norma dan akhlak ekonomi serta muamalat yang berteraskan Islam. Perkara ini perlu dinilai secara berhati-hati kerana masyarakat Islam hari ini amat memerlukan kegiatan-kegiatan ekonomi seperti ini bagi menghadapi kehidupan yang semakin mencabar. Secara ringkasnya para ulamak telah berselisih pendapat dalam menentukan hukum koperasi kepada dua pandangan.

Golongan Yang Mengharuskan koperasi.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulamak yang mengharuskan perkhidmatan koperasi, sebahagiannya berpandangan ianya diambil daripada konsep al-Syirkah, ada yang berpandangan ianya berdasarkan kepada akad al-mudharabah dan ada yang menyatakan bahawa ianya merupakan akad baru yang tiada kena mengena dengan kedua-dua konsep di atas

Pengoperasian koperasi berkonsepkan kepada Syirkah al-Inan⁶ kerana terdapat rukun-rukun Syirkah al-Inan bersamaan dengan apa yang diaplikasikan di dalam perkhidmatan koperasi. al-Syarbini (1994) menyatakan bahawa di dalam kontrak Syirkah al-Inan, pembahagian untung adalah berdasarkan persetujuan dalam kontrak

⁶ Syirkah al-Inan bermaksud suatu akad antara dua individu atau lebih mengeluarkan modal untuk sesuatu perniagaan atau perusahaan, di mana keuntungan dan juga kerugian dari perniagaan tersebut dibahagikan antara ahli-ahli syarikat menurut nisbah modal yang telah diberikan. Hukum Syirkah al-Inan telah disepakati akan keharusannya mengikut pendapat keempat-empat mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali.

manakala kerugian adalah mengikut kadar modal masing-masing. Ibn Qudamah (t.t) pula tidak mewajibkan persamaan modal atau nisbah pembahagian untung. Terpulang kepada mereka yang bersyarikat untuk menentukan kadar pelaburan masing-masing.

Ayyub (2003) pula menyatakan bahawa keharusan syirkah ini adalah kerana perkongsian itu hanyalah kepada modal sahaja tidak kepada usaha kerana tidak mungkin ada persamaan dari sudut usaha kerana usaha itu sukar untuk diukur secara jelas. Hasil daripada pandangan di atas, terdapat asas persamaan di antara Syirkah Inan dengan perkhidmatan koperasi pada hari ini antaranya ialah:

- Pertama: Modal terkumpul dari saham anggota digunakan di dalam perniagaan atau pelaburan yang dipersetujui oleh semua anggota. Anggota telah dijelaskan cara bagaimana wang modal koperasi dilaburkan. Apabila seseorang menyertainya maka bererti dia menyetujui cara-cara yang ditentukan itu.
- Kedua: Persetujuan setiap anggota bagi pengurusan syarikat dan persetujuan mewakilkan kepada beberapa anggota syarikat tertentu bagi melaksanakan aktivitinya. Sekiranya persetujuan ini tidak diperolehi maka tidak sah manapun anggota di dalam syarikat mengurus harta/saham anggota lain. Di dalam koperasi, pentadbirannya dijalankan oleh Jemaah Lembaga Pengarah yang dilakukan di dalam mesyuarat agung koperasi membawa erti setiap anggota telah mewakilkan haknya kepada Lembaga Pengarah yang dipilih itu untuk menguruskannya.
- Ketiga: Pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian adalah berdasarkan kepada modal saham. Cara yang sama juga dipraktikkan di dalam koperasi. Hanya sedikit perbezaan di dalam amalan koperasi jika dibanding dengan pembahagian keuntungan di dalam syarikat biasa, pertama: keuntungan hanya diberi dengan kadar tidak melebihi 10 peratus daripada keuntungan koperasi dan kedua, jika seseorang anggota menarik diri, dia hanya diberi kembali wang sahamnya dengan tambahan keuntungan

sebenar bagi tahun berkenaan sahaja dan tidak diberi keuntungan dari nilai harga koperasi keseluruhannya.⁷

Sayyid Sabiq (1981) pula menyatakan bahawa koperasi itu adalah halal kerana ianya melaksanakan konsep al- Mudharabah⁸ di dalam pengoperasiannya. Jika dilihat kepada pengamalan di dalam koperasi sendiri, terdapat di sana unsur perjanjian kerjasama di antara dua individu atau lebih yang mana satu pihak menyediakan modal perniagaan dan satu pihak yang lain melaksanakan usaha di atas dasar membahagi keuntungan menurut perjanjian yang telah dipersetujui bersama

Mahmud Syaltut (t.t) bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh al-Syarbini dan Sayyid Sabiq dalam mengharuskan koperasi tetapi tidak bersetuju mengaitkan koperasi samada dengan Syirkah al-Inan mahupun aqad al-Mudharabah. Ini adalah kerana pengamalan di dalam koperasi tidak pernah berlaku pada zaman silam malah para ulamak terdahulu tidak pernah membahaskannya. Pendapat tersebut disokong oleh Sayyid Sabiq (1981) apabila beliau menyatakan bahawa jenis-jenis syirkah yang dibahaskan oleh ulamak silam dan ianya diharuskan dalam agama hanyalah empat sahaja iaitu Syirkah al-Inan, Syirkah al-Mufawadah, Syirkah al-Wujuh dan Syirkah al-Abdan.⁹ Kerana itulah Mahmud Syaltut berpandangan bahawa koperasi itu merupakan

⁷ Teks di atas dipetik daripada Laman Web Koperasi Belia Islam Bhd di mana mereka bersetuju dengan pandangan bahawa perkhidmatan koperasi itu harus hukumnya di sisi syariat dan pengharusan tersebut diiqaskan dengan syirkah al-Inan disebabkan adanya persamaan dari sudut pengoperasiannya.

⁸ Ianya juga dinamakan sebagai al-Qardh atau Muqaradah. Mudharabah merupakan kontrak perkongsian yang melibatkan pemodal dan pengusaha. Keuntungan pula akan dikongsi bersama berdasarkan kepada perjanjian yang telah dimeterai antara kedua belah pihak. Kerugian hanya akan ditanggung oleh pemodal sahaja. Pengusaha tidak boleh menjanjikan sebarang keuntungan kepada pemodal, kerana keuntungan perniagaan masih belum diketahui, malah pengusaha tidak boleh sama sekali membuat perjanjian untuk mengembalikan modal kepada pengusaha. Jika menjanjikan yang sedemikian maka kontrak akan bertukar kepada al-Qard dan akan tertakluk pula kepada syarat al-Qard. Sekiranya pengusaha menjanjikan pula keuntungan, walaupun tidak tetap, kontrak itu menjadi riba yang diharamkan oleh Islam.

⁹ *Syirkah 'Inan* : Kerjasama antara dua orang atau lebih dalam mengeluarkan modal untuk melakukan sesuatu usaha secara bersama dengan cara membahagikan untung atau rugi sesuai dengan jumlah modal yang telah dikeluarkan. *Syirkah al-Muwafadah*: Perkongsian dengan syarat modal dan usaha yang dilakukan sama banyak oleh semua pihak yang berkongsi. Mazhab Syafi'i tidak mengharuskan syirkah ini kerana bagi mereka adalah mustahil untuk menyamakan semua perkara dalam semua hal. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali mengharuskannya tetapi mazhab Maliki tidak mensyaratkan mesti wujud persamaan secara terperinci. *Syirkah Wujuh*: Kerjasama antara dua orang atau

jenama baru yang tidak pernah diperbahaskan dan beliau cenderung menamakannya sebagai Syirkah al- Ta’awuniyah.

Mahmud Syaltut (t.t) tidak bersetuju mengaitkan koperasi dengan mudharabah kerana modus operandi koperasi sebahagiannya tidak mengandungi unsur-unsur mudharabah yang telah dirumuskan oleh para fuqaha.¹⁰ Koperasi pada asasnya adalah modal yang datangnya dari sejumlah ahli yang memegang saham. Koperasi itu pula diuruskan oleh pengurus dan pekerja yang dibayar berdasarkan kepada tugas dan peranannya masing-masing. Kalau pemegang saham turut menguruskan usaha koperasi itu, maka ia berhak mendapat gaji sesuai dengan sistem penggajian yang ditentukan. Ianya amat bercanggah dengan akad mudharabah kerana pemodal hanya mengeluarkan modal tanpa boleh dilibatkan dengan aktiviti perniagaan yang hanya dilakukan oleh pengusaha.

Rashid Dail (1978) juga bersetuju dengan pandangan Mahmud Syaltut yang tidak menyamakkannya dengan syirkah yang terdapat di dalam muamalah Islam walaupun mengakui akan kesahihan perkhidmatan koperasi. Malah beliau menyatakan adalah menjadi satu kesalahan umum membuat tanggapan bahawa konsep syarikat atau company yang mana termasuk di dalamnya syarikat koperasi bersamaan dengan akad syirkah atau musyarakah yang terdapat di dalam undang-undang Islam.

lebih untuk membeli sesuatu barang tanpa modal. Modalnya hanyalah kepercayaan antara sesama mereka dan keuntungan akan dibahagi sesama mereka.

¹⁰ Syarat bagi sahnya akad mudharabah antaranya ialah :

- a) Terdiri daripada matawang tunai yang ditentukan semasa aqad dan diserahkan kepada pengusaha.
- b) Pembahagian keuntungan hendaklah ditentukan semasa aqad.
- c) Modal adalah daripada tuan punya modal dan kerja adalah daripada pengusaha. Tidak sah mudharabah sekiranya pemodal juga terlibat di dalam pekerjaan.
- d) Kerugian akan ditanggung oleh pemodal manakala pengusaha tidak akan mendapat apa-apa sekiranya berlaku kerugian.
- e) Dibenarkan membubarkan aqad sekiranya pengusaha belum memulakan kerjanya.
- f) Perkongsian tersebut hendaklah halal di sisi syariah.
- g) Mereka yang terlibat hendaklah bebas daripada sekat muamalah dan boleh melibatkan diri dalam bidang wakalah.

Jika dilihat kepada pengamalan di dalam koperasi, syarat ketiga tidak menepati kehendak al-Mudharabah kerana di dalam koperasi pihak pemodal juga terlibat di dalam pekerjaan samada sebagai pengurus ataupun pekerja am. Di atas dasar inilah Mahmud Syaltut tidak bersetuju koperasi itu disamakan dengan konsep Mudharabah.

Hidayat (2004) pula membincangkannya secara lebih teliti apabila memberikan sebab mengapa perkhidmatan koperasi tidak boleh disamakan dengan akad syirkah terutamanya syirkah al-Inan. Antaranya beliau berhujah:

- a) Jumlah perkongsian akad dalam koperasi dihadkan sekurang-kurangnya seratus orang. Sedangkan di dalam akad syirkah jumlah minimum hanyalah dua orang.
- b) Sebahagian besar pengkongsi tidak aktif di dalam perniagaan kerana pengurusan koperasi hanya diuruskan oleh semaksimamnya lima belas orang ahli koperasi yang dilantik.
- c) Bentuk perniagaan syarikat bukanlah di atas nama pekongsi sebagaimana di dalam akad syirkah tetapi di atas nama pertubuhan perbadanan koperasi.

Hidayat (2004) juga tidak bersetuju menyamakan akad koperasi dengan akad al-Mudharabah kerana pengurusan syarikat koperasi dikendalikan oleh pekongsi yang juga pemegang modal di dalam syarikat tersebut. Sedangkan di dalam akad al-Mudharabah pemodal tidak boleh terlibat di dalam kerja-kerja yang dilakukan oleh pengusaha. Oleh yang demikian kedudukan koperasi merupakan satu bentuk akad baru muamalah di dalam undang-undang Islam.

Rahman Isa (t.t) telah memberikan pandangannya berkenaan akad baru seperti koperasi ini dengan katanya : Konsep syarikat atau company seperti yang diperkatakan oleh ahli-ahli perundangan moden pada masa kini tidaklah diketahui oleh fuqaha' kerana konsep tersebut tidak pernah wujud pada zaman mereka. Apa yang wujud di dalam undang-undang Islam ialah akad musyarkah di dalam empat bentuk iaitu inan, abdan, wujuh dan mufawadrah. Jika syarikat-syarikat moden ditubuhkan bertujuan bergiat di dalam bidang perniagaan atau perusahaan yang tidak mempunyai kaitan dengan riba dan perolehan secara haram dan sentiasa dalam pengawasan undang-undang jauh daripada sebarang kezaliman dan eksloitasi serta terdapatnya jaminan terhadap hak-hak pemegang saham serta tidak mengandungi unsur-unsur pergaduhan dan perselisihan.... maka sekiranya sebuah syarikat tersebut diasaskan atas dasar

muamalah yang adil seperti di atas, maka ianya adalah syarikat yang sah dan halal tanpa syak lagi. Mudah-mudahan Allah SWT memberi ganjaran kepada mereka yang memperkenalkan bentuk syarikat seperti ini.

Apa yang lebih menarik lagi ialah Rahman Isa (t.t) telah memberikan nama baru bagi jenama baru ini dengan menyatakan ianya adalah *syirkah musahamah* bukan *syirkah taawuniyyah* seperti yang telah dicadangkan oleh Mahmud Syaltut. Antara hujah yang dikemukakan ialah syirkah ini dibina atas dasar pembelian saham oleh para anggotanya. Maka syirkah ini tergolong dalam syirkah amwal bukan syirkah asykhlas kerana apa yang dilihat bukan kepada individu yang terlibat dengan koperasi sebaliknya yang menjadi keutamaan ialah jumlah saham yang terkumpul. Beliau juga menyatakan bahawa koperasi itu halal di dalam Islam dan dividen yang diterima juga halal selama mana koperasi tersebut tidak terlibat dengan riba ataupun menjalankan usaha-usaha perniagaan yang bertentangan dengan hukum Islam.

Uzir (1985) menyatakan berasaskan kepada prinsip Islam, tiada suatu prinsip koperasi yang boleh dikatakan sebagai bertentangan dengan Islam kerana semua prinsip ini bertujuan untuk mencapai kesejahteraan ahli-ahlinya. Islam sememangnya menggalakkan sifat tolol menolong dan bekerjasama dalam semua aspek kehidupan. Abd. Majid (1993) pula berpandangan, pada dasarnya pinjaman yang dibuat di Koperasi Kredit adalah halal sebagaimana ianya telah disepakati oleh jumhur ulamak dengan syarat jumlah wang yang dibayar adalah sama dengan jumlah wang yang dipinjam. Sekiranya tidak berlaku sedemikian maka ianya dianggap seperti memakan harta sesama manusia secara batil. Beliau telah menukilkan di dalam bukunya, pandangan yang pernah dikemukakan oleh Imam Syafie yang menyatakan bahawa tidak halal meminjam atau menjual barang dengan menambah harga yang lebih tinggi ketika berlakunya transaksi kredit mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Pandangan tersebut disokong oleh Hidayat (2004) dengan menyatakan bahawa konsep koperasi adalah sah disisi Islam dengan syarat pembentukan akadnya dibuat berdasarkan kepada kerelaan, tujuannya halal di dalam undang-undang syariah dan

tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh syarak seperti riba, penindasan serta penipuan, maka sudah tentulah pembentukan syarikat koperasi ini sah.

Begitulah juga pandangan yang telah diberikan oleh Mustafa Abd Rahman (1989) yang menyatakan bahawa, apa yang lebih penting untuk difahami ialah tanggapan umum ulama Islam pada masa sekarang ialah keseluruhan aktiviti koperasi tidak bercanggah dengan Islam melainkan aktiviti pinjaman hutang-piutang dan sebagainya yang melibatkan riba. Jika satu-satu koperasi itu menjalankan aktiviti berlandaskan syarak maka ianya harus digalakkan. Sebaliknya jika ianya bertentangan dengan syarak maka ia tidak digalakkan atau disuruh untuk mengelak atau menjauhinya.

Asnawi Hasan (1987) pula menyatakan jika dilihat dari segi kebaikan yang diperolehi daripada aktiviti koperasi dan kesesuaiannya dengan etika Islam, wajib bagi umat Islam untuk menyertai koperasi dalam membina dan mengembangkan kehidupan berkoperasi. Malah ianya merupakan satu dosa bagi mereka yang menghalang-halangi perkembangan koperasi.

Golongan Yang Mengharamkan Koperasi

Di sebalik pandangan yang mengharuskan aktiviti koperasi terdapat juga pandangan yang tidak menerima konsep koperasi sebagai sebahagian daripada muamalah dalam Islam. Khalid (1976) menyatakan bahawa haram bagi umat Islam terlibat dengan kegiatan koperasi dan apa yang apa yang terhasil daripada perniagaan tersebut adalah haram untuk mengambilnya. Pengharaman tersebut menurut pandangan beliau adalah bertitik tolak daripada tiga aspek utama iaitu:

- a) Syarat keanggotaan tidak menepati prinsip Islam di mana ianya melibatkan hanya satu golongan sahaja yang akhirnya akan melahirkan golongan ekslusif dalam koperasi.
- b) Keuntungan yang diperolehi daripada koperasi terhasil daripada penjualan dan pembelian yang dilakukan oleh ahli koperasi. Ianya bercanggah dengan hukum Islam

kerana bentuk kerjasama dan pembahagian keuntungan dalam Islam secara klasiknya hanya boleh dilakukan antara pemodal dan pengusaha sahaja, sedangkan dalam koperasi hanya pemodal sahaja yang melakukan persyarikatan.

- c) Syarat keanggotaan koperasi mestilah terdiri daripada golongan miskin yang tidak berkemampuan. Ianya bercanggah dengan prinsip Islam kerana seolah-olah mempermainkan golongan lemah dengan menjanjikan pelbagai tawaran dengan tujuan untuk mententeramkan mereka daripada kesusahan yang sedang dialami.

Pandangan tersebut dipersetujui oleh Taqiyuddin (1996) dengan menyatakan kesepakatan dalam koperasi tidak pernah berlaku kerana dari segi asasnya keuntungan yang diperolehi bukan daripada kesepakatan di antara pemodal dan pengusaha sebaliknya keuntungan diperolehi hasil daripada penjualan dan pembelian sesama ahli. Ianya bertentangan dengan prinsip al-Mudharabah. Dari sudut yang lain pula Taqiyuddin (1990) menganggap organisasi koperasi merupakan organisasi yang batil dan bertentangan dengan hukum Islam. Apa sahaja harta yang diperolehi daripada koperasi hukumnya adalah haram¹¹. Beliau juga berhujah bahawa koperasi merupakan produk ekonomi Kapitalis Barat yang jauh menyimpang daripada ajaran Islam.

¹¹ Di dalam mengharamkan koperasi, Taqiyuddin al-Nubhani berpegang kepada dalil hadis dan praktikal para sahabat. Antaranya ialah :

- a) Hadis daripada al-Bukhari : Harta yang diperolehi secara tunai dipersilakan untuk mengambilnya. Harta yang diperolehi secara kredit hendaklah dikembalikan.
- b) Hadis daripada al- Daruquthni : Hadis Qudsi, Aku adalah pihak ketiga bagi dua orang yang melakukan syirkah, selama mana salah seorang di antara mereka tidak berkhianat di dalam bersyarikat. sekiranya ada di antara mereka yang berkhianat maka aku akan keluar daripada mereka.
- c) Hadis daripada Abu Daud, Abdullah bin Masu'ud berkata, Aku, Ammar bin Yassir dan Saad bin Abi Waqas melakukan syirkah terhadap apa yang kami perolehi daripada perang Badar. Saad membawa dua orang tawan perang, sementara aku dan Ammar tiada membawa apa-apa. Tindakan tersebut dibiarkan oleh Rasulullah saw. Imam Ahmad bin Hanbal berkata: Nabi saw melakukan syirkah dengan mereka.
- d) Praktikal para sahabat: Diriwayatkan daripada Ibn Syaibah, dari Abdullah bin Humaid dari bapanya: Bahawa Umar bin al-Khattab pernah memberikan harta anak yatim secara mudharabah. Kemudian Umar meminta sebahagian daripada harta tersebut lalu beliau memperolehinya lalu memberikannya kepada al-Fadl. Demikian juga apa yang dilakukan oleh Osman dengan melakukan qiradah dengannya. Juga diriwayatkan daripada Ibn Masu'd dan Hakim bin Hazzam, bahawa mereka berdua telah melakukan qiradah (mudharabah). Semua perkara tersebut telah diketahui dan didengari oleh para sahabat. Tiada seorangpun di kalangan mereka yang mengingkari dan menolaknya. Ianya menjadi dalil secara ijmak sahabat akan keharusan syirkah. Taqiyuddin al- Nubhani beristidlal dengan dalil di atas bahawa syirkah yang diharuskan hanyalah syirkah Inan, syirkah abdan, syirkah mudharabah, syirkah wujuh dan

Wazin Baihaqi (2010) juga mempunyai pandangan yang agak sama dengan pandangan di atas di mana beliau menyatakan bahawa koperasi adalah sebuah kegiatan ekonomi yang secara sejarahnya bukan lahir daripada teori dan ekonomi Islam. Oleh kerana itu kefahaman berkaitan dengan konsep keadilan dan kebebasan adalah berbeza dengan konsep keadilan dan kebebasan menurut perspektif ekonomi Islam. Beberapa amalan koperasi seperti sistem bunga atas modal, pihak yang berhak menguruskan perniagaan dan pembahagian keuntungan tidak sesuai dengan muamalah Islam.

Jika dilihat kepada alasan pengharaman di atas, beberapa perbincangan boleh dilakukan bagi menilai sejauhmana pandangan ini bersesuaian dengan situasi semasa. Antaranya :

- a) Alasan pengharaman seperti yang dikaitkan di para a dan c di atas iaitu penglibatan anggota hanyalah melibatkan satu golongan sahaja dan keanggotaan di dalam koperasi hanyalah untuk golongan miskin dan tidak berkemampuan. Alasan yang sedemikian tidak menepati syarat-syarat keahlian sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Koperasi 1993. Tidak terdapat satu fasapun di dalam akta tersebut menghadkan keahlian hanya kepada golongan miskin. Malah ditekankan bahawa keahlian di dalam koperasi bersifat terbuka dan sukarela. Juga menjadi satu kewajipan untuk mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun untuk memilih kepimpinan. Justeru, pengharaman koperasi berdasarkan kepada hujah ini sama sekali tidak dapat diterima.

- b) Alasan pengharaman seperti yang dikaitkan di para b di atas iaitu keuntungan diperolehi hasil daripada pembelian dan penjualan di dalam koperasi bukan daripada keuntungan hasil usahasama pemodal dan pengusaha. Ianya bercanggah dengan akad al-Mudharabah di dalam fikh Islam. Hujah ini wajar ditolak kerana tiada hujah atau dalil yang boleh dipegang bahawa pengambilan keuntungan hasil daripada jualbeli

syirkah mufawadah sebagaimana ianya telah berlaku pada zaman Rasulullah saw dan juga pada zaman sahabat. Adapun koperasi tidak termasuk ke dalam salah satu syirkah yang telah dinyatakan, maka hukumnya adalah haram kerana ianya merupakan produk keluaran daripada kapitalis barat.

yang dilakukan oleh koperasi bercanggah dengan hukum Islam. Berkemungkinan ianya tidak bersesuaian dengan konsep al-Mudharabah yang melihat kepada perkongsian untung dan rugi antara pengusaha dan pemodal tetapi ianya bersesuaian dengan konsep al-syirkah yang juga diharuskan di dalam Islam¹². Di dalam menolak pandangan ini Dimyati (1989) menyatakan bahawa tidak terdapat Ijmak di kalangan ulamak yang mengharamkan koperasi berdasarkan kepada hujah yang sedemikian. Maka ia hanyalah dianggap sebagai ijтиhad sahaja yang boleh diterima dan ditolak.

- c) Hujah yang diberikan oleh Taqiyuddin al-Nubhani bersandarkan kepada dalil yang diberikan untuk mengharamkan koperasi ditolak dengan alasan-alasan berikut:
 - i) Hadis sebagaimana juga al-Quran kebiasaannya datang dalam bentuk umum dalam menentukan sesuatu hukum terutamanya perkara yang melibatkan perkara muamalah. Justeru, untuk memberikan sesuatu hukum di dalam masalah ini perlu dilihat kepada asbab al-wurud bagi hadis tersebut. Kita juga perlu mengetahui di atas dasar apa hadis tersebut disabdakan oleh Rasulullah saw sehingga kita mengetahui adakah hadis tersebut bersifat khusus ataupun umum. Sekiranya ia bersifat khusus maka ia hanya dikhurasukan pada masa itu sahaja, begitulah sebaliknya. Pandangan ahli hadis perlu dirujuk untuk mengetahui status hadis.
 - ii) Berhujah dengan menggunakan dalil praktikal para sahabat boleh dipertikaikan kerana pelaksanaan muamalah pada zaman tersebut berada dalam keadaan situasi yang amat terbatas. Tidak kedapatan isu-isu baru yang memerlukan kepada kajian semula dalam bidang muamalah. Justeru tidak boleh hanya berpegang kepada syirkah-syirkah yang wujud pada zaman tersebut sahaja dan berhukum mengikut apa yang telah wujud tanpa memerlukan ijтиhad baru sedangkan Fikh Islam itu sendiri bersifat anjal menerima pelbagai perubahan bersesuaian dengan situasi semasa.

¹² Inilah pandangan Syekh Mahmud Syaltut yang mengharuskan koperasi bukan atas dasar akad al-Mudharabah sebaliknya pengharusan itu didasarkan kepada akad al-syirkah dan diberikan nama baru iaitu Jamiyyah al-Taawuniyyah.

- iii) Memahami hadis dari sudut kontekstual merupakan satu keperluan bagi mengistinbatkan sesuatu hukum. Inilah yang sedang dilakukan oleh para sarjana masa kini bagi memastikan hukum Islam itu sentiasa relevan pada setiap zaman. Ijtihad-ijtihad baru diperlukan bagi menjawab segala permasalahan yang timbul di kalangan masyarakat yang melibatkan permasalahan ekonomi, sosial dan budaya. Keperluan sedemikian mesti dipenuhi segera lebih-lebih lagi di dalam bidang ekonomi kerana pelbagai transaksi baru telah wujud sesuai dengan peredaran zaman yang semakin moden. Koperasi merupakan agument baru yang perlu kepada penelitian semula tanpa hanya berpegang kepada transaksi-transaksi zaman silam.

- iv) Kaedah ilmu usul yang menyebut asal sesuatu hukum yang berkaitan dengan muamalah itu adalah harus sehingga datang dalil yang mengharamkannya boleh digunakan untuk menolak pandangan golongan yang mengharamkan koperasi. Kaedah ini sesuai kerana kebanyakan daripada transaksi yang berlaku pada zaman moden ini tidak kedapatan pada zaman para sahabat. Dengan hanya berpegang kepada transaksi yang berlaku pada zaman sahabat seoalah-olah Islam telah membatasi hukum fikh hanya pada zaman para sahabat sahaja. Sekiranya ini diterima maka Islam tidak akan mampu untuk bersama-sama dalam permodenan arus kemajuan, lebih-lebih lagi prinsip-prinsip yang ada pada koperasi itu tidak menyalahi prinsip yang terdapat di dalam Islam. Maka secara mudahnya difahami koperasi itu adalah harus sehingga datang agument-agument yang mengharamkannya dan menyalahi prinsip Islam.

KESIMPULAN

Rumusan perbincangan di dalam kertas kerja ini mendapati bahawa pada dasarnya Islam mengharuskan konsep berhutang selagimana ianya berjalan di atas prinsip-prinsip Islam. Terdapat beberapa dalil yang mengharuskan untuk berhutang dan ianya disabitkan melalui beberapa potongan ayat al-Quran dan hadis. Kebenaran untuk

berhutang adalah kerana Islam memahami dan meraikan konsep rezki yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya tidak sama. Ada di kalangan hamba yang mempunyai kelebihan dari satu segi dan kekurangan dari segi yang lain pula. Justeru, kebenaran berhutang akan melahirkan suasana masyarakat yang saling bantu membantu antara satu dengan yang lain.

Perkara yang membezakan di antara hutang yang diharuskan dan hutang yang diharamkan itu bergantung kepada mekanisme pelaksanaannya. Jika ianya terlibat dengan unsur-unsur yang diharamkan maka hukumnya juga menjadi haram, begitulah juga sebaliknya. Perbahasan yang berkaitan dengan koperasi sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam bab ini juga tidak terlepas daripada fenomena di atas.

Koperasi sebagaimana yang telah dinyatakan tidak boleh untuk disabitkan hukumnya dengan nas al-Quran kerana ianya merupakan praktik muamalah yang baru dan tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah saw. Begitu juga ianya tidak boleh disabitkan dengan hukum qias kerana tidak ada muamalah yang berlaku pada zaman sahabat menyerupai koperasi untuk disabitkan dengan hukum tersebut. Maka method qias tidak boleh dilakukan di sini. Justeru, Hasan (2003), menyatakan bahawa hukum berkoperasi itu harus dicari atas dasar ijtihad dengan pendekatan induktif.

Setelah dibentangkan pandangan daripada kedua belah pihak, maka yang lebih dekat kepada maqasid syariah adalah golongan yang mengharuskan koperasi kerana wujudnya nilai-nilai murni yang boleh membangunkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat dan saling bantu membantu di dalam kehidupan. Pandangan yang mengharamkan koperasi tidak bersesuaian dengan situasi semasa kerana hanya bersandarkan kepada hujah dan teori lama sedangkan Islam itu sentiasa berada pada arus perdana dan memerlukan pendekatan baru sesuai dengan sifatnya yang sentiasa memberi rahmat dan kemudahan kepada kehidupan manusia.

- Ab.Mumin . (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jakim.
- Abd al-Karim Zaydan. (1994). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abd al-Wahhab Khallaf. (t.th). *Ilmu Usul Fikh*, . Kuwait: Dar al-Quran.
- Abd Majid. (1993). *Masa'il Fiqhiyyah*. Pasuruan: Garuda Buana Indah Sdn.Bhd.
- Abdul Kadir Ahmad Pengerusi Koperasi Pasar Raya Johor Berhad. (7- 9 Mac 1989). Peranan Ahli Sebagai Pengguna. *Seminar Koperasi Zon Utara*. Kota Bharu.
- Abdul Rahman Isa. (t.t). In *al-Muamalat al-Hadithah wa Ahkamuha*. Kaherah: Matbaah Mukhaimin.
- Abu Jaafar Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. (1985). *Tafsir al-Tabari*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Abu Sunnah, Ahmad Fahmi. (2004). *al-Urf wa al-Adah fi Ra'yi al-Fuqaha'*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Abu Zahra. (1987). *Buhus fiqhiiyah fi Qadhoya muasarah*. Kaherah: Dar al Rayyan.
- Ahmad Zarqa'. (1991). *Buhus al-iqtisod al-Islami*. Kaherah: Dar al -Turath al-Islami.
- akulah. (1978). melaka: yan ko.
- Ali Muhammad Jarisyah. (tt). *Asalib al-Ghowu al-Fikri*. Kaherah: Dar al-Iktisom.
- al-Khafif Aliyy. (1996). *Ahkam al-Muamalah al-Shariah*. Kaherah: Dar al- Fikr al-Arabiyy.
- al-Kherid, Syed Abdullah Abu Bakar. (1983). *Pengurusan Koperasi*. Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Angkasa.
- al-Qurtubhi. (1987). *al-Jaami' li Ahkaami al-Quran*. Kaherah: al-Haiah al-Misriyyah al-ammah li al-kutab.
- al-Zarqa' Mustafa Ahmad. (1961). *al-Madkhali al-Fiqh al-amm*. Syiria: Matbaah Damshiq.
- Asnawi Hasan. (1987). *Koperasi Dalam Pandangan Islam, Suatu Tinjauan dari Segi Falsafah Etik, Dalam membangun Sistem Ekonomi Nasional, Sistem Ekonomi dan Demokrasi Ekonomi*. Jakarta: UI Press .
- Azmi. (1997). *Peranan Masjid Dalam Penyebaran Dakwah dan Pembangunan Rohani Anggota ATM*. Kuala Lumpur: Smart Print & Stationer Sdn.Bhd.
- Baalbaki, R. a. (1991). *al Maurid A Modern Arabic - English Dictionary*. Beirut: Dar el Ilm Lilmalayin.
- Bank Muamalat. (2012). *Perbandingan Antara Perbankan Islam Dan Konvensional*. Kuala Lumpur: Perancangan dan Penyelidikan Bank Muamalat.
- Barjoyai Bardai Dr. (tt, tt tt). *Memperkasa Institusi Ekonomi dan Pengembelangan Dana Ummah Strategi Pemantapan Kegiatan Ekonomi Ummah yang Lestari*. Retrieved from www.Islam.gov.my//Muamalat: www.Islam.gov.my
- Bureau. (1945). *Co-operative Movement Colonies: A Report From a Special Committee for the Fabian*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Burhanudin. (2010). *Penghayatan Islam di Kalangan Anggota Tentera Malaysia. Tesis Dr. Falsafah, Jabatan Dakwah, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi.
- Cavendish A. (1922). *Co-operation as a Subject for Study in Malaya*. Pulau Pinang: Pinang Gazette Press.
- Chik, W. (1990). *Bagaimana Mengendali Koperasi*. Kuala Lumpur: Marwilis Publisher.
- Chik, W. (1990). *Bagaimana Mengendalikan Koperasi*. Kuala Lumpur: Marwilis Publisher.

- Cuepacs. (2012, Mac 26). *Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam*. Retrieved from Aduan Rakyat: <http://www.cuepacs.blogspot.com>
- Depdikbud. (1989). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka Press.
- dia kasih. (2009). johor bahru: toyol.
- Dimyati, Ahmad. (1989). *Islam dan Koperasi, Telaah Peran Serta Umat Islam dalam Pengembangan Koperasi*. Jakarta: Koperasi Jasa Indonesia.
- Doug, T. (1993). Strong fundamentals: In Malaysia, Islam is a basis for business. *Far Eastern Economic Review*, 1(3):163-178.
- Ghazali Abdul Hamid. (1992). *Kaedah Urus Niaga Dalam Koperasi. Kursus Perwakilan Khas KBBM*. Kuala Lumpur.
- Hamid, A. (1997). *Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam ATM di mana bermula dan ke mana Penyudahnya*. Kuala Lumpur: Smart Print & Stationer Sdn.Bhd.
- Hamidi, Z. (2011, Februari 18). *Profil Koperasi Tentera*. Retrieved from Koperasi Tentera: <http://www.katmb.com.my>
- Hamidi, Z. (2012). *Laporan Tahunan Koperasi Tentera 2011*. Kuala Lumpur: Koperasi Tentera.
- Haron abd el Salam. (1987). *Tahzib Sirah Ibn Hisham*. Beirut: dar al-Fikr.
- Hasan Ahmad. (1999). *al-Awraq al-Naqdiyyah al-Iqtisodi al-Islami: Qimmatuha wa Ahkamuha*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Hasan Ayyub. (2003). *Fiqh al-Muamalah al-Maliyyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Faris. (2001). *Mu'jam Muqayis al-Lughah*. Beirut: Dar Ihya' al- Turath.
- Ibn Qudamah al-Muqdisi. (t.t). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-kutub al-ilmiyyah.
- Ibnu Kathir. (1987). *Tafsir Ibnu Kathir*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Syatibi. (1975). *al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Mesir: Maktabah al-Tijariah al-Kubro.
- Imam Fakhruddin al Razi. (1990). *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ir Kaslan A. Tohir. (1964). *Peladjaran Koperasi*. Jakarta: P.N. Balai Pustaka.
- Izz al-Din bin Abd al-Salam . (t.th). *Qawaaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Jalaluddin. (1987). *Tafsir al Jalalain*. al Iskandariah: dar al- rayyan.
- Joni. (2002). Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah 10:1 Universiti Malaya*, 71-78.
- Kamal Taufiq Muhammad Khitob. (1999). Nozorat Iqtisodiah fi hikmah Tahrim al riba al khafi. In *Majallah al Ulum al Ijtimaiyyah wa al Insaniyyah* (p. 92). Irbid Jordan: Universiti Yarmuk.
- kau. (1878). janda: kawin.
- KBI. (2013, Februari 21). *Koperasi Belia Islam Malaysia*. Retrieved from Sejarah Koperasi: <http://www.kbi.com.my>
- Khairul, F. a. (2005). *Analisis Amalan British Dalam Pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Menurut Perspektif Islam*. Disertasi MA Jabatan Syariah Universiti Malaya.
- Khalid Abdul Rahman Ahmad . (1976). *al- Tafqir al-Iqtisod fi al-Islamiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Madinah.
- Khamsatul. (2012, Januari 12). *Koperasi Dalam Pandangan Islam*. Retrieved from <http://Khamsatul.blogspot.com>.
- Koperasi Nasional Berhad. (2013, Februari 17). *Koperasi Nasional Berhad*. Retrieved from Sejarah Koperasi: <http://www.koponas.coop.my>

- Kularajah. (1969). *Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama*. Petaling Jaya: Sharikat Percetakan Kerjasama Semalaysia Berhad.
- L.J., F. (1986). *The Co-operative Movement in West Malaysia: Policy, Structure and Institutional Growth*. Petaling Jaya: Universiti Malaya.
- Lian T.K. (2002). The Unique Cooperative Response to Globalization. *Review of International Co-operation*. pp. 95(1):14-19.
- Lim Tay Boh. (1950). *The Co-operative Movement in Malaya*. London: Cambridge At The University Press.
- M.Ali Hasan. (2003). *Berbagai Macam Transaksi dalam Islam (Fiqh Muamalah)*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Mahmud bin Yusuf Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi. (1989). *Peranan Koperasi Dalam Pembangunan Negara. Seminar Ke arah Pembangunan Koperasi : Satu Pendekatan Semula*. 1989.
- Mahmud Syaltut. (t.t). *al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mahsin. (2003). *Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Publisher Jabatanarrah KAGAT.
- Mahsin bin Mansor. (2003). *Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.
- Mahsin Hj. Mansor dan Mustafa A. Rahman. (1978). Faktor Kejayaan dan Kelemahan Koperasi ditinjau Dari Pandangan Islam. *Seminar Koperasi Dalam Masyarakat Islam*. Petaling Jaya.
- Margaret Digby. (1960). *The World Co-operative Movement*. London: Hutchinson University Library.
- mazli. (2008). bghdad: jaya raya bhd.
- menuju akhirat. (1990). kuantan: lam dan sdn bhd.
- Minhajuddin. (1990). *Posisi Fiqh Muqoron Dalam Penyelesaian Masalah Ikhtilafiyah*. Makasar: Berkah Utami Berhad.
- Miranda Steel. (2009). *New Oxford Dictionary*. Kuala lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohamad Ali Hasan. (2001). Koperasi Bercorak Islam. *Pelancar*, p. 8.
- Mohd Abd.Mumin b. Abd.Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM .
- Mohd Mazli. (2005). *Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera : Analisis Pencapaiannya Terhadap Pembangunan Akhlak Tentera Malaysia*. Tesis MA Jabatan Syariah Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd, Aziz Amin. (1990). *Membangunkan Bank Islam di Indonesia*. Jakarta: Bangkit Publisher.
- Mohd, Hidayat Buang. (2004). Koperasi Secara Islam Dalam Kerangka Perundungan Islam. *Journal Syariah Universiti Malaya*, 1-24.
- Mohd, J. A. (1999). *Insuran Berkumpul : Suatu Analisis Dari Segi Teori dan Amalan Dalam Angkatan Tentera Malaysia*. Disertasi MA Jabatan Syariah Universiti Malaya.
- Muamalat, B. (n.d.).
- Muhammad Abu Zahrah. (1985). *Tahrim al- Riba Tanzimun Iqtisodiun*. Jeddah: Dar al- Saudiah li- ansyri wa al-tauzi'.
- Muhammad Abu Zahrah. (1985). *Usul al-Feqh*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Muhammad al- Syrbini al-Khatib. (1958). *Mughni Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Halabi.

- Muhammad Ali al- Sobuni. (1984). *Hikmah Tahrif al- Riba al- Khafi*. Kaherah: dar al kutb.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1992). *al-Mustosfa fi ilmi ai-Usul*. Madinah: tp.
- Muhammad Muslehuddin. (1990). *Sistem Perbankkan Dalam Islam*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Muhammad Najatullah Siddiqi . (1991). *Perkongsian dan Perkongsian Untung Dalam Hukum Islam*. Terj. Salmi Bahrom. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Abd Rahman. (15 - 17 Nov 1989). Aktiviti Berkoperasi Dari Kacamata Islam. *Seminar Ke arah Pembangunan Koperasi: Satu Pendekatan Semula*, (p. Kertas Kerja hlm 19 & 33). Kuala Lumpur.
- Nawawi. (1997). *Minda Sebagai Pengukuran Dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Smart Print & Stationer Sdn.Bhd.
- Othman. (1993). *Pasaran dan Institusi Kewangan Islam di Malaysia Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, S. (1987). *Tafsir fi zilal al-Quran*. al kaherah: dar al syuruq.
- Rahim, A. (1997). *Cita-cita dan Harapan KAGAT Penekanan Kepada Pembinaan Tentera Seutuhnya*. Kuala Lumpur: Smart Print & Stationer Sdn.Bhd.
- Rashid Dail. (1978). Konsep Syarikat Koperasi Dalam Islam . *Seminar Koperasi Dalam Masyarakat Islam*. Bangi.
- Rashid Dail. (1993). Konsep Syarikat Koperasi Dalam Islam. *Seminar Koperasi Dalam Masyarakat Islam*. Petaling Jaya.
- Rauof, A. H. (2004). Koperasi Menurut Perspektif Islam dan Tinjauan Terhadap Koperasi Islam di Malaysia Disertasi Masters. *Fakulti Pengajian Islam UKM*. UKM, Bangi.
- Razi, F. a. (1990). *al Tafsir al Kabir*. Beirut: dar al-kutub al-ilmiah.
- Robby Tulus. (2001, November). Kelebihan Berkoperasi di alaf Ketiga., (p. 14). Pelancar.
- salmy. (2000). bangi: jaya hagu sdn bhd.
- salmy. (2009). gold. bangi: dewan bahasa.
- Sayyid Sabiq. (1981). *Fiqh Sunnah Jilid 3*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Schwettmann,J. (2002). Cooperatives and Globalization. Review of International Co-operation. pp. 95(1):26-30.
- Sejarah Koperasi Pos Nasional Berhad*. (2013, Feb 17). Retrieved Feb 1, 2013, from Koperasi Nasional Berhad: <http://www.koponas.coop.my>
- Shaari. (1998). *Kamus Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SKM, W. (2013, Februari 14). *Data Koperat Suruhanjaya Koperasi Malaysia*. Retrieved Februari 1, 2013, from Suruhanjaya Koperasi Malaysia: <http://www.skm.gov.my>
- SKM, W. (2013, Januari 2). *Sejarah Gerakan Koperasi*. Retrieved Januari 1, 2013, from Suruhanjaya Koperasi Malaysia: <http://www.skm.gov.my>
- Suratman Kastin Hasan. (1993). *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2013, September 30). *Portal Rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia*. Retrieved from Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi: <http://www.skm.my>

- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2013, September 23). *Sejarah Gerakan Koperasi*. Retrieved from Portal Rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia: <http://www.skm.gov.my>
- Syams al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib al-Syarbini. (1994). *al-Iqna' Fi Hilli al-Faz Abi Syuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syed Abdullah Syed Abu Bakar Pengurus Umum Angkasa. (7- 9 Mac 1989). Gerakan Koperasi Masa Hadapan. *Seminar Koperasi Zon Utara*. Kota Bharu.
- Syed Qutb. (1987). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Taqiyuddin al-Nabhani. (1990). *al-Nizom al-Iqtisod fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Ummat li ittiba' wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Taqiyuddin al-Nabhani. (1996). *Membangun Sistem Ekonomi Alternatif Menurut Perspektif Islam* terj. Mohd Maghfur Wachid. Surabaya.
- Tentera, K. (2012). *Laporan 2011*. Kuala Lumpur: Koperasi Tentera.
- Umar Syihab. (1996). *Undang-Undang Islam dan Transformasi Pemikiran*. Semarang: Dimas Sdn.Bhd.
- Uzir Abdul Malik. (1985). Perkembangan Koperasi Islam di Malaysia. *Seminar Pelaksanaan Sistem Kredit Islam Dalam Koperasi*. Petaling Jaya: Universiti Malaya.
- Uzir Abdul Malik Dr. (1987). Perkembangan Koperasi dalam Sistem Ekonomi Islam . *Seminar Koperasi Kebangsaan : Peranan, Sumbangan dan Prospek Koperasi Masa kini*, (pp. 2-4). Bangi.
- Wahbah Zuhaili. (1986). *Usul al-Feqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wazin Baihaqi. (2010, mac 18). *koperasi dalam perspektif Islam*. Retrieved from wazin-mendale.blogspot.com.
- Web. (2013, Januari 2). *Sejarah Gerakan Koperasi*. Retrieved Januari 1, 2013, from Suruhanjaya Koperasi Malaysia: <http://www.skm.gov.my>
- Yakcop. (1996). *Teori Amalan dan Prospek Sistem Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Yusuf al-Qardhawi Dr. (1991). *al Taamul maa al-bank*. al Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Yusuf Ismail dan Suhaimi Mhd. Sarif. (2003). Globalisasi dan Strategi Perniagaan Islam Bagi Koperasi-Koperasi di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa* (p. 146). Bangi: Mashi Publication.
- Zahari Sulaiman . (1993). Perkembangan Koperasi Abad ke 21 : Peluang dan Cabaran. *Seminar Peluang dan Cabaran Pembangunan Koperasi*. Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Hashim. (1994). Penerapan Unsur-Unsur Korporat dan Keislaman Dalam Koperasi. *Pascasidang Seminar Antarabangsa Prospek dan Cabaran Ekonomi dan Pengurusan Dalam Pembangunan Industeri Abad ke 21*, (p. 86). Bangi.
- Zainal Abidin Hashim. (1997). *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Asikin. (1997). *Pokok-pokok Hukum Perbankan di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Press.
- Zakaria b. Man. (2002). Asas Kepada Tadbir Urus Cemerlang Dalam Konteks Koperasi. *Seminar Tadbir Urus Koperasi*, (p. 2). Kuala Lumpur.
- Zakaria Man. (1994). Penerapan Sistem Ekonomi Islam Dalam Koperasi . *Kertas Kerja Seminar* . Maktab Kerjasama Malaysia.